

Date	Day	Monday	Date	14	Month	October	Year	2024
Publication	Sinar Harian							
Headline/Title	Subsidi dialisis ringan beban pesakit							
Page/Section	20/Berita							
Compiled by	Group Corporate Communications							



KEMUDAHAN yang disediakan di Pusat Dialisis NKF-OSKF memberi keselesaan kepada pesakit.

Subsidi dialisis ringan beban pesakit

Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia menawarkan pelbagai perkhidmatan penjagaan dan sokongan buah pinggang yang komprehensif untuk pesakit

Oleh SITI NOOR AZIRA MOHD FAUZI & SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

DIALISIS, rawatan khas bagi mereka yang berdepan dengan masalah buah pinggang. Ia merupakan suatu proses penyaringan toksin, air dan pelarut berlebihan dari darah menggunakan mesin khas menggantikan peranan buah pinggang yang tidak mampu berfungsi secara normal.

Dialisis diperlukan apabila tahap kerosakan buah pinggang mencecah 85 hingga 90 peratus, yang mana organ berkenaan tidak lagi dapat berfungsi dengan baik.

Menurut Jururawat Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) OSK Foundation (OSKF), Nur Lyana Syamimi Zulkifli Hanafi, rawatan hemodialisis merupakan salah satu rawatan vital untuk pesakit buah pinggang peringkat akhir.

Rawatan hemodialisis yang komprehensif adalah penting untuk menguruskan komplikasi penyakit, menyediakan sokongan pemakanan, serta memberi bantuan dari segi psikologi dan emosi untuk menghadapi cabaran penyakit buah pinggang kronik.

"Ini dapat meningkatkan kualiti hidup pesakit, mengurangkan risiko kemasukan ke hospital dan menurunkan risiko kematian pesakit. Dengan rawatan yang menyeluruh, pesakit boleh menjalani kehidupan

yang lebih sihat dan sejahtera walaupun menghadapi penyakit buah pinggang kronik," kata Lyana.

Tambah beliau, rawatan yang komprehensif juga akan memastikan bahawa semua aspek kesihatan pesakit diuruskan dengan baik, termasuk penggunaan dializer sekali guna, ujian darah berkala, pengurusan anemia, vaksinasi, dan kaunseling pemakanan.

Sokongan itu membantu pesakit untuk lebih berdaya tahan dalam menguruskan keadaan kesihatan mereka dan menjalani kehidupan seharian dengan lebih baik.

Kurang berkemampuan

Pun begitu, masih ramai di luar sana yang tidak mahu atau mampu melakukan rawatan itu kerana kos yang tinggi selain mempunyai risiko.

Demi mengesok permasalahan tersebut, NKF komited untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan buah pinggang yang berkualiti tinggi kepada individu yang memerlukan.

Yayasan ini menawarkan pelbagai perkhidmatan penjagaan dan sokongan buah pinggang yang komprehensif untuk individu yang didiagnosis dengan penyakit buah pinggang.

Ini termasuklah perkhidmatan hemodialisis bersubsidi, latihan dialisis peritoneal dan perkhidmatan sokongan, pendidikan penyakit buah pinggang kronik, dialisis buah pinggang dan bantuan kewangan pemindahan buah pinggang. Tidak terkecuali program sokongan pesakit untuk meningkatkan tahap kesihatan pesakit dan menambah baik kualiti hidup mereka.

"Bantuan ini membolehkan lebih ramai pesakit mendapat akses kepada rawatan yang berkualiti tanpa beban kewangan yang berat.

"Subsidi NKF banyak membantu mengurangkan kos rawatan pesakit dan memastikan mereka menerima perkhidmatan yang diperlukan tanpa perlu risau tentang kos. Ini bukan sahaja meringankan beban kewangan pesakit,

tentang pencegahan dan pengurusan penyakit buah pinggang. Melalui inisiatif ini, NKF tidak hanya menyediakan rawatan tetapi memberikan sokongan moral dan pendidikan kepada pesakit dan keluarga mereka.

"Pusat dialisis NKF-OSKF menawarkan perkhidmatan rawatan hemodialisis berkualiti tinggi dengan sokongan subsidi untuk pesakit yang memerlukan, terutamanya mereka yang kurang berkemampuan di kawasan Sungai Petani.

"Selain itu, kami menekankan pendekatan komuniti, yang mana kami aktif dalam mendekati dan memberi kesedaran kepada komuniti setempat mengenai rawatan yang disediakan. Pusat ini juga dilengkapi dengan teknologi dan peralatan terkini bagi memastikan pesakit menerima rawatan yang selamat dan berkesan," ujar Lyana.

Penyediaan perkhidmatan yang baik dan kemudahan yang canggih tiada ertinya tanpa kehadiran pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Itulah cabaran terbesar yang dihadapi oleh NKF yang mana kebanyakan masyarakat belum lagi menyedari kewujudan pusat berkenaan.

Justeru, pelbagai perancangan aktiviti sedang dirangka bagi mendekati NKF dengan masyarakat selain mendidik dan meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang selain membantu lebih ramai pesakit di Sungai Petani.

"Saya ingin menggalakkan mereka untuk mendapatkan pemeriksaan awal dari doktor atau pakar buah pinggang (nefrologist) dan tidak menunggu sehingga keadaan mereka menjadi serius.

"Pesakit tidak perlu bimbang kerana Pusat Dialisis NKF-OSKF komited untuk menyediakan rawatan yang terbaik dan menyokong pesakit sepanjang perjalanan mereka.

"Kami berharap dapat terus memperluaskan jangkauan perkhidmatan kami dan memastikan lebih ramai individu mendapat manfaat daripada subsidi dan perkhidmatan berkualiti yang ditawarkan," ujar beliau.

Melalui subsidi yang lebih baik ini, pesakit akan mendapat peluang yang lebih baik untuk menjalani kehidupan yang sihat dan berkualiti.



Dengan rawatan yang menyeluruh, pesakit boleh menjalani kehidupan yang lebih sihat dan sejahtera walaupun menghadapi penyakit buah pinggang kronik."

- Nur Lyana Syamimi

tetapi juga memberi mereka peluang untuk mendapatkan rawatan yang berterusan dan menyeluruh," jelas beliau.

Dalam pada itu, mereka juga sering mengadakan kempen kesedaran dan pendidikan untuk mendidik masyarakat



ANTARA kakitangan Pusat Dialisis NKF-OSKF yang sentiasa bersedia memantau semasa rawatan dialisis berlangsung.